

TR 2:7:75

UCAPAN PERDANA MENTERI MERANGKAP  
MENTERI PERTAHANAN, DI MAJLIS JAMUAN  
MAKAN MALAM SEMPENA HARI TENTERA  
LAUT DI RAJA MALAYSIA DI PENGKALAN  
WOODLANDS, SINGAPURA PADA 4HB JULAI,  
1975

Y.A.B. Tan Sri Datuk Othman Saat<sup>1</sup>, Y.B. Datuk Zulkifli<sup>2</sup>, Y.B.  
Tan Sri Jeneral Ibrahim<sup>3</sup>, Dif-dif yang terhormat, Tuan-tuan dan  
Puan-puan.

Saya sangat sukacita dapat hadir bersama-sama di Majlis  
Jamuan yang gilang-gemilang ini, sempena perayaan Hari Tentera  
Laut Diraja hari ini. Saya dan juga isteri saya ingin mengucapkan  
terima kasih kepada sekalian yang berkenaan atas sambutan yang  
begitu meriah semasa kami sampai pagi tadi di Pengkalan Wood-  
lands dan seterusnya acara-acara lain dalam lawatan saya kali ini.

Pagi tadi saya telah menyebutkan tentang kemajuan dan  
kejayaan yang telah dicapai oleh TLDM sejak tertubuhnya dan  
menyentuh juga sedikit mengenai masa depannya. Sungguhpun  
TLDM sudah berkembang dengan begitu pesat selama tujuh belas  
tahun, tetapi kalau dibandingkan dengan negara-negara jiran,  
banyak lagi rancangan untuk meninggikan kecekapannya. Seluruh  
anggota TLDM mestilah berusaha bersungguh-sungguh untuk  
mencapai darjah yang setinggi-tingginya.

Sepertimana dengan organisasi yang sedang berkembang,  
peluang-peluang terbuka dengan luas dan terutama bagi para  
pegawai TLDM dalam semua bidang, masa depan mereka sangat-  
lah cerah. Patut sentiasa diingat, pada peringkat perkembangan  
TLDM ketika ini, kita berkehendakkan pegawai yang cekap serta  
berdisiplin, begitu juga pada setiap lapisan Tentera Laut.

<sup>1</sup> Menteri Besar Johor.

<sup>2</sup> Timbalan Menteri Pertahanan.

<sup>3</sup> Ketua Tunis Angkatan Tentera.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

Sebagai anggota Angkatan Bersenjata, amatlah penting dan mustahak meletakkan taat setia terhadap Raja dan Negara serta kejujuran dan dedikasi di atas segala-galanya. Begitu juga semangat esprit de corp dan kesediaan bantu membantu di antara satu sama lain sebagai satu pasukan hendaklah di junjung tinggi setiap masa. Kita sedia maklum kerapian atau smartness dan tata tertib Tentera Laut adalah sentiasa menjadi tauladan pada seluruh Angkatan Tentera. Kita boleh berbangga meskipun muda usianya TLDM telah dapat menunjukkan mutu kecekapan yang tinggi dan setanding dengan Angkatan Laut yang jauh lebih berpengalaman seperti Royal Navy, Royal Australian Navy, Royal New Zealand Navy dan Angkatan Laut Republik Indonesia dalam latihan-latihan bersama yang diadakan dari semasa ke semasa.

Saya sedar bahawa tuan-tuan sekalian adalah sedang menunggu pengkalan-pengkalan baru di Lumut dan di Kuantan. Kedua-dua pengkalan ini sedang dalam pembinaan dan apabila siap kelak dan menjadi di antara yang paling moden dalam dunia. Walau bagaimana pun, buat sementara waktu kita akan menggunakan pengkalan yang ada di sini dan terpaksa bersabar sedikit dengan kekurangan yang terdapat di sini hanya untuk dua tiga tahun lagi. Menurut jadual pengkalan-pengkalan baru di Lumut boleh mula digunakan pada tahun 1981 dan Kuantan pada tahun 1978. Sukalah saya mengambil kesempatan ini mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Singapura kerana kerjasamanya dalam memberikan kemudahan selama ini.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

Sebagaimana yang saya katakan di upacara Perbarisan pagi tadi, memandangkan pada kawasan pantai kita yang begitu besar, Tentera Laut akan diperbesarkan lagi dalam tahun-tahun yang akan datang supaya dapat menampung secukupnya kepentingan pertahanan laut negara kita. Malaysia pada hakikatnya adalah sebuah negara laut atau maritime nation dari zaman berzaman bukan semata-mata dari segi perdagangan antarabangsa yang dibawa dengan kapal dan perikanan bahkan di masa akhir-akhir ini terdapat pula kegiatan carigali minyak atau oil exploration di dasar laut negara kita. Dalam tahun-tahun akan datang kelak,

perdagangan antarabangsa akan terus meningkat. Begitu juga melalui laut selama beberapa tahun diharapkan exploration dan extraction akan menjadi aktiviti ekonomi yang terpenting bagi negara kita. Segala aktiviti di laut luas ini bergantung pada jaminan keselamatan yang diberikan oleh TLDM dan Polis Laut kita.

Perkembangan politik rantau dunia di sebelah sini setelah Republik Khmer dan Vietnam Selatan bertukar tangan memerlukan pengawasan perairan kita yang lebih menyeluruh terutama dalam mengawal penyeludupan senjata kepada anasir-anasir Komunis dan penjahat-penjahat. Pendek kata, TLDM hendaklah sentiasa berwaspada untuk menghadapi apa jua kemungkinan yang akan mengancam keselamatan dalam negeri dan kedaulatan negara.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

Saya sukalah mengambil peluang ini mengucapkan penghargaan kepada Ketua Tunis Tentera Laut, Laksamana Muda Datuk Thanabalasingam kerana telah memberikan pimpinan yang penuh dedikasi dalam masa pembangunan TLDM. Dia tidak kalah dengan bachelor counterpartnya, Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, Ketua Petronas. Negara kita bertuah mendapat kedua-dua eligible bachelors terutama di masa ini.

Saya rasa tidaklah perlu saya bercakap panjang di Jamuan yang meriah ini. Saya dan isteri saya sekali lagi suka mengucapkan terima kasih dan penghargaan yang tulus ikhlas kepada tuan-tuan dan puan-puan sekalian di atas sambutan dan layanan yang diberikan kepada saya berdua sambil berdoa moga-moga TLDM terus maju jaya mengharung lautan mempertahankan tanahair kita yang dicintai.

Terima kasih.